



DR. JUJU

# Perkasakan usaha pengurangan pembaziran sisa pertanian

PENGURUSAN sisa pertanian (sisa agrikultur) masih belum dilaksanakan secara meluas di negara ini berikutan kurangnya kemahiran tentang pengendalian pascatuai.

Bagaimanapun, ia bukanlah sesuatu yang asing, kerana fenomena ini adalah biasa (normal) di dalam negara-negara yang sedang membangun.

Menurut Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Tanaman, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Juju Nakasha Jaafar, usaha yang dilaksanakan segelintir pihak seperti syarikat swasta atau badan bukan kerajaan (NGO) untuk mengurangkan sisa agrikultur sangat membantu kepada petani.

"Menerusi usaha ini mereka boleh sekurang-kurangnya memberikan keuntungan sedikit berbanding tiada langsung kerana hasil tuaian tersebut terpaksa dibuang.

"Pada masa sama, kesedaran tentang hasil tani yang tidak dapat memasuki pasaran tetapi masih boleh dikonsumsi ini perlu diuar-uarkan kepada orang ramai agar usaha mengurangkan sisa agrikultur dapat diperkasa," katanya ketika dihubungi K2.

Tambah beliau, selain itu, kempen secara berperingkat di mana ilmu kesedaran juga perlu disalurkan kepada murid-murid di sekolah, pelajar universiti dan juga orang awam yang lain.

"Kerjasama bersama pihak agensi, swasta dan NGO hendaklah lebih erat bagi memastikan adanya pihak yang membantu petani untuk memproses sisa agrikultur ini.

"Pada masa sama, petani atau pengusaha perlu dibekalkan dengan ilmu pengendalian pascatuai, di mana sekiranya mereka dibekalkan dengan ilmu ini, ia dapat mengurangkan sisa agrikultur.

"Mereka boleh melakukan pelbagai langkah untuk memanfaatkan sisa dengan menghasilkan baja kompos atau memproses produk baharu daripadanya," ujarnya.